



**MYFutureJobs**  
Your National Employment Services Provider  
[www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my)




**MAKLUMAT PROGRAM KEMAHIRAN  
MALAYSIAN ACADEMY OF MIGHTY SKILLS  
(KOLEJ ANTARABANGSA MIGHTY SKILLS)**

Ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK)  
Penyedia Latihan PERKESO

**MAKLUMAT PROGRAM MICRO CREDENTIAL  
SERVIS SISTEM BREK KENDERAAN**

<b>Nama Program</b>	SERVIS SISTEM BREK KENDERAAN
<b>Jenis &amp; Kod Program Micro Credential</b>	Micro Credential CU [MCU-1-11]
<b>Pensijilan</b>	Penyata Pencapaian
<b>Tempoh Pengajian</b>	3 minggu (Minimum 48 jam)
<b>Yuran Pengajian</b>	RM 1,386.00
<b>Mod Latihan</b>	Separuh masa
<b>Pengenalan kursus</b>	Kursus modul ini direka untuk mendedahkan para peserta kepada teknik dan kaedah servis sistem brek kenderaan secara amali dan teori. Kursus ini melibatkan pemeriksaan sistem brek, penukaran sistem brek dan penukaran komponen sistem brek parkir kenderaan.  Peserta akan didedahkan kepada asas arahan kerja, operasi sistem brek kenderaan, peralatan membaiki sistem brek, ujian kefungsian sistem brek hidraulik dan prosedur pemeriksaan free play. Peserta juga diberi pengetahuan tentang prinsip pascal, jenis dan fungsi sistem brek, komponen-komponen sistem brek gelendong (drum brake system) dan sistem brek ceper (disc brake system), prosedur menukar sistem brek dan bendalir brek (brake fluids). Sistem brek parkir (parking brake) dan kaedah menukar brek parkir juga disentuh di dalam kursus modular ini.
<b>Topik pembelajaran</b>	TOPIK 1: Pemeriksaan Keadaan Sistem Brek Kenderaan TOPIK 2: Penukaran Komponen Sistem Brek Kenderaan TOPIK 3: Penukaran Komponen Sistem Brek Parkir Kenderaan

<b>Kumpulan sasaran</b>	Pekerja & penggiat automotif Pekerja dalam industri berkaitan Pekerja sektor gig-ekonomi Bakal pekerja industri TVET
<b>Industri sasaran</b>	Industri automotif Pusat servis & penyelenggaraan kenderaan bermotor Pengeluar & pengedar kenderaan
<b>Prospek Kerjaya</b>	Juruteknik/pembantu juruteknik/mekanik kenderaan bermotor, usahawan automotif, penasihat perkhidmatan servis, pegawai perkhidmatan selepas jualan, pengurus servis/penolong pengurus servis, penganalisis enjin bermotor, pembaikan automotif.



Jabatan Pembangunan Kemahiran



City & Guilds



Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran



Human Resource Development Corporation



Penyedia Latihan PERKESO



#### Peringatan Penting dan Penafian:

Kemasukan pelajar adalah tertakluk kepada kekosongan tempat. Amaun yuran adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke masa. Maklumat program kemahiran adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke masa yang mungkin digunakan di peringkat JPK. Jika terdapat perbezaan antara maklumat di dokumen ini dengan mana - mana sumber daripada JPK, maklumat dengan JPK adalah digunakan. Maklumat pinjaman dari PTPK adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke masa. Sekiranya terdapat perbezaan di dalam dokumen ini dengan mana - mana sumber dari PTPK, maklumat dengan PTPK adalah digunakan. Permohonan pinjaman PTPK adalah tertakluk kepada terma dan syarat daripada PTPK. Peluang pekerjaan hanya sebagai panduan untuk para pelajar menentukan program yang sesuai dengan minat dan matlamat pelajar dan KAMS tidak menjanjikan sebarang peluang pekerjaan kepada mana-mana pihak.